



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT  
JABATAN KESIHATAN AWAM  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
TINGKAT 2, BLOK E, KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT  
JALAN DUNGUN, BUKIT DAMANSARA  
50490 KUALA LUMPUR

Fax: 03-2561566  
Tel: 03-2540088

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kamt: ( 1 )dm. KKM-171 ( 99/42/3 )  
Tarikh : 1 Mac , 1997

Pengarah Kesihatan Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang,  
Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Negeri Sembilan,  
Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya,  
KM 4, Jalan Cheras,  
Kuala Lumpur.

Y.Bhg. Dato/Tuan/Puan,

**UJIAN SARINGAN HIV UNTUK IBU MENGANDUNG DENGAN VDRL REAKTIF**

Dengan segala hormatnya sukadila saya menujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Dato/Tuan/Puan sedia maklum penyakit kelamin dan jangkitan HIV mempunyai perkaitan yang rapat dan mempunyai persamaan dari segi cara jangkitannya.
3. Kajian sentinel yang dilaksanakan di beberapa buah negeri di kalangan pesakit kelamin bagi tahun-tahun 1994, 1995 dan 1996 menunjukkan kadar pengesanahan ( detection rate ) jangkitan HIV masing-masing 1.98%, 0.67% dan 1.54%. Manakala kajian sentinel di kalangan ibu mengandung menunjukkan kadar pengesanahan jangkitan HIV yang meningkat, iaitu 0.14% dalam tahun 1994, kepada 0.28% dalam tahun 1995 dan 0.21% dalam tahun 1996.
4. Bagi ibu-ibu mengandung, ujian saringan VDRL yang reaktif menunjukkan mereka mungkin pernah terdedah kepada risiko jangkitan penyakit kelamin ( STD ) dan juga pada masa yang sama mungkin terdedah kepada risiko jangkitan HIV.
5. Oleh kerana itu, keputusan telah dibuat supaya semua ibu mengandung yang didapati reaktif terhadap ujian VDRL hendaklah dilakukan ujian saringan HIV. Dalam melakukan ujian saringan HIV tersebut, ibu-ibu perlu diberikan ' pre-test ' dan ' post-test ' kaunseling yang sejawalnya sesuai dengan garis panduan melakukan ujian saringan HIV yang telah ada.
6. Di atas segala perhatian dan kerjasama Y.Bhg.Dato/Tuan/Puan terlebih dahulu diucapkan berbanyak terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



( DATO' DR. HAJI ABIDUL AZIZ BIN MAHMOOD )

Pengarah Kawalan Penyakit

Kementerian Kesihatan Malaysia

- |      |   |   |
|------|---|---|
| s.k. | - | Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.                    |
|      | - | Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).   |
|      | - | Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penubatan).        |
|      | - | Ketua Jabatan/Pakar Perunding Kanan,<br>Jabatan Kuli, |
|      |   | Hospital Kuala Lumpur.                                |

F:\kodas\mydocs\STO1.Htm&t